



LENSA

BANDAR RAYA JB

LENSA MBBB BIL. 2/2023 | April - Jun 2023

Imbas Kod QR
Penerbitan Rasmi MBBB



www.mbbb.gov.my

facebook.com/mbbbbrasmii



Johor Smart City Forum



MBBB TERIMA 2 ANUGERAH SEMPENA MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARDS



ISSN 2637-1014

MBBB Terima Pengiktirafan 'ASEAN Public Toilet Standard'



Kerjasama 2 Hala, MBBB & Daegu Metropolitan City

Memperkuhkan Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya Dan Lestari

SIDANG PENGARANG

PENAUNG

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman,
Datuk Bandar Johor Bahru

PENASIHAT 1

Haji Miswan bin Yunus,
Setiausaha

PENASIHAT 2

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad,
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Encik Harulisam bin Ismail

PENGARANG/KOLUMNIS

Encik Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif
Puan Hidayah binti Yusof
Cik Nurul Shafina binti Shaari
Cik Nur Qurratuaini binti Kamaruzaman

JURUFOTO

Haji Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

© HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBBJ

Pejabat Datuk Bandar	07-228 2600	Jabatan Pelesenan		Jabatan Kejuruteraan	
Pejabat Setiausaha	07-228 2626	Bahagian Pelesenan (Pentadbiran)	07-219 8295	Bahagian Kejuruteraan (Pentadbiran)	07-219 8135
Pejabat Timbalan Setiausaha	07-228 2510	Jabatan Perbendaharaan		Jabatan Pengangkutan Bandar	
Jabatan Pengurusan		Bahagian Hasil	07-219 8028	Pejabat Am (Pentadbiran)	07-221 5164
Bahagian Korporat & Perhubungan Awam	07-219 8055	Bahagian Perbelanjaan	07-219 8091	Jabatan Pembangunan Masyarakat	
Bahagian Undang-Undang	07-219 8256	Bahagian Ukur Bahan & Kontrak	07-219 8042	Pejabat Am (Pentadbiran)	07-219 8039
Bahagian Audit Dalam	07-219 8268	Jabatan Penilaian		Jabatan Kesihatan	
Unit Integriti & Pemodenan Pentadbiran	07-219 8117	Bahagian Penilaian (Pentadbiran)	07-219 8231	Pejabat Am (Pentadbiran)	07-228 2628
Bahagian Sistem Maklumat Geografi	07-219 8197	Jabatan Pengurusan Harta		Jabatan Penguatkuasaan	
Unit Kerjasama Awam & Swasta	07-219 8234	Bahagian Pengurusan Harta (Pentadbiran)	07-219 8243	Pejabat Am (Pentadbiran)	07-227 1054
Bahagian Pesuruhjaya Bangunan	07-219 8273	Jabatan Perancangan Pembangunan		Jabatan Landskap	
Unit Pusat Setempat	07-219 8285	Bahagian Perancang (Pentadbiran)	07-219 8246	Pejabat Am (Pentadbiran)	07-228 2636
Jabatan Khidmat Pengurusan		Jabatan Kawalan Bangunan			
Bahagian Teknologi Maklumat	07-219 8070	Bahagian Kawalan Bangunan (Pentadbiran)	07-219 8202		
Bahagian Sumber Manusia	07-219 8184				
Bahagian Pentadbiran	07-219 8170				
Unit Dasar & Kualiti	07-219 8159				
Unit Hal Ehwal Islam	07-219 8210				
Unit Mesyuarat	07-219 8022				

INTISARI

- Gotong-royong 'Johor Bersih' Perdana Bersama Menteri Besar Johor
- 'Litter Picking' di Legaran Segget dan Teman Pelangi, Johor Bahru
- Rumah Terbuka Aidilfitri MBBJ 2023
- Program Semarak Ramadan Bubur Lambuk Perdana
- Majlis Penyerahan Surat Peruntukan Projek Kolam Tadahan di Plot C Larkin Idaman
- Lawatan Kerja Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
- Majlis Keraian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Sanjungan Budi
- Bicara Buku @ MBBJ
- Program Komuniti JB Ceria Raya & Perasmian Kios Bacaan Komuniti Pintar
- Info Lawatan
- MBBJ Menerima Kunjungan Delegasi Daegu Metropolitan City & Menandatangani Perjanjian Kerjasama Dua Hala
- MBBJ Terima Dua Anugerah Malaysia Landscape Architecture Awards
- Mesyuarat Pegawai Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia 2023
- MBBJ Anjur Program Kembiri Kucing
- MBBJ Terima Pengiktirafan Peringkat Kebangsaan
- Operasi Pecah Tanjakan (Ramp) Tanpa Kebenaran
- Johor Smart City Forum 2023*
- Minggu Keselamatan & Kesihatan MBBJ
- MBBJ Menangi Anugerah Persuratan Selatan DBP
- JB Neon Recreational Night Edisi Lestari Fun Run & Ride 2023*
- Kunjung Hormat & Lawatan Penandaarasan Delegasi MBBJ Ke Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah
- Sesi Lelongan Barang Sitaan Penguatkuasa Bil. 2/2023
- Piala Datuk Bandar Johor Bahru 2nd Win+ Streak Volleyball International Invitational Championship Johor 2023
- Dari Kaca Lensa
- Program Zon Ahli Majlis & LA21
- MBBJ Sana Sini

GOTONG-ROYONG 'JOHOR BERSIH' PERDANA BERSAMA MENTERI BESAR JOHOR

Pada 7 Mei 2023, Program Gotong-Royong Johor Bersih Perdana bersama YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor telah diadakan bertempat di Legaran Segget, Johor Bahru.

Seramai 1,500 peserta dari agensi kerajaan, swasta serta warga bandar raya Johor Bahru telah mengambil bahagian dalam aktiviti mengutip sampah, mengecat, meletakkan 'liquid effective microorganism' (EM) di Sungai Segget, membersihkan laluan pejalan kaki dan sebagainya untuk menjayakan agenda Johor Bersih di bandar raya Johor Bahru. Sebanyak 12 'checkpoint' kerja pembersihan ini dilaksanakan iaitu di Jalan Segget, Masjid India, Jalan Trus, Jalan Meldrum, Jalan Tun Abdul Razak, Kompleks Kastam dan Imigresen (CIQ) dan lain-lain lagi melibatkan jarak sepanjang 4km.

Selain itu, bagi mencapai sasaran Johor Bersih secara holistik, Majlis Bandaraya Johor Bahru juga telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf infra rakyat melalui penyediaan 'shuttle bus' percuma untuk warga bandar raya, meningkatkan pencahayaan dan keceriaan bandar, menambah jumlah kamera litar tertutup (CCTV) untuk keselamatan, mempertingkatkan baikpulih serta konservasi bangunan warisan, menaiktaraf landskap dan keceriaan di pintu masuk antarabangsa.



'Litter Picking' di Legaran Segget dan Taman Pelangi, Johor Bahru

Pada 9 April 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan aktiviti Gotong-Royong 'Litter Picking' di Legaran Segget dan Taman Pelangi sempena menyokong kempen Johor Bersih. Turut hadir ialah YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Tuan Haji Miswan bin

Yunus, Setiausaha MBBJ, Encik Cairul Hisham Jalaluddin, Pengarah SWCorp Negeri Johor, serta anggota MBBJ, Pejabat SUK Johor Bahagian Kerajaan Tempatan, SWCorp, SWM Environment dan Persatuan Peniaga Kecil Pasar Lambak. Bersama kita kekalkan kebersihan dan keindahan bandar raya Johor Bahru.



RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MBBJ 2023



Pada 11 Mei 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Rumah Terbuka Aidilfitri MBBJ di Arena Larkin, Johor Bahru. Seramai kira-kira 15,000 warga bandar raya Johor Bahru hadir memeriahkan dan memenuhi jemputan ini untuk menikmati pelbagai juadah hari raya yang enak dan menyelerakan.

Majlis rumah terbuka ini telah diserikan dengan kehadiran YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor, YB Dato' Mohd. Jafni bin Md. Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Datuk-Datuk Bandar serta Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

Program Semarak Ramadan Bubur Lambuk Perdana 2023

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Program Semarak Ramadan Bubur Lambuk Perdana 2023 di Arena MBBJ, Larkin pada 16 April 2023. Program yang berkonsepkan gotong-royong memasak bubur lambuk ini membabitkan penglibatan daripada komuniti di 24 zon Ahli Majlis, warga MBBJ serta agensi kerajaan dan swasta. Sebanyak 50 buah periuk digunakan untuk memasak bubur lambuk sebelum dibungkus untuk diedarkan kepada 15,000 penerima di sekitar bandar raya Johor Bahru melalui konsep "drive-thru". Beberapa rakan strategik yang turut serta dalam program ini termasuklah Yayasan Bandaraya, Tropicana Foundation, Johor Land, Fajar Sidiq Enterprise Sdn Bhd, Fajar Terbina dan Bumi Hijau. Selain itu, bubur lambuk juga diagihkan ke Hospital Sultanah Aminah, Hospital Sultan Ismail, rumah-rumah anak yatim, rumah penjagaan, pejabat kerajaan dan swasta sekitar pusat bandar Johor Bahru.



Majlis Penyerahan Surat Peruntukan Projek Kolam Tadahan di Plot C Larkin Idaman

Majlis Penyerahan Surat Peruntukan Projek Kolam Tadahan di Plot C Larkin Idaman telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, telah diadakan di Larkin Idaman pada 13 Mei 2023. Projek ini melibatkan kerja-kerja pembersihan kolam, penggalian mendakan dan pembaikan tebing kolam bagi memastikan kolam tadahan ini dapat berfungsi sepenuhnya bagi menampung air hujan dan seterusnya mengurangkan risiko banjir di kawasan 'downstream' di Sungai Tampoi.

Selain itu, kejayaan pelaksanaan projek ini pada masa akan datang dapat memberi impak positif terhadap kesejahteraan dan keselamatan penduduk sekitar, serta dapat mengelakkan kawasan kolam tadahan tersebut menjadi habitat binatang berbisa yang boleh mengundang bahaya kepada penduduk.

Tambahan lagi, pada masa hadapan kolam ini juga boleh dijadikan kawasan riadah oleh penduduk dengan penambahan element 'hard scape' termasuk laluan pejalan kaki dan penanaman pokok yang sesuai.



LAWATAN KERJA TUAN NGA KOR MING, MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

Pada 15 Mei 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima lawatan kerja daripada YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, ke tapak cadangan projek naiktaraf dan penyelenggaraan Anjung Selera Laman Tasik Pandan dan Gerai Jalan Biru, Taman Pelangi, Johor Bahru.

Dalam sesi lawatan tersebut, YB Menteri telah meluluskan peruntukan baharu sebanyak RM1.3 juta kepada MBBJ bagi kerja-kerja naiktaraf unit gerai, tandas, bumbung, sistem perparitan, termasuk memasang perangkap minyak, pemasangan sistem solar, sistem pengurusan air hujan (SPA), kerja perpaipan, pendawaian baharu, menurap jalan, tempat letak kereta, serta lain-lain infrastruktur demi kesejahteraan pengunjung.

Sebanyak RM21.7 juta juga telah diluluskan sebelum ini bagi projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur awam bagi tahun 2023 di bawah Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor. Peruntukan tersebut merangkumi pelaksanaan projek bagi kategori infrastruktur, kemudahan awam, sosio ekonomi dan keselamatan termasuk projek naiktaraf kolam takungan banjir di seluruh negeri Johor.





MAJLIS KERAIAN

Pada 18 Mei 2023, seramai 36 pesara, 74 orang warga kerja yang telah berkhidmat lebih 25 tahun, serta 103 warga kerja yang menerima anugerah di atas prestasi kerja cemerlang sepanjang perkhidmatan tahun 2022 telah diraikan dalam Majlis Keraian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sanjungan Budi Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Dalam ucapan YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, beliau telah berpesan kepada seluruh warga kerja agar "melangkah dengan penuh cecal dan iltizam dan tidak sesekali berasa selesa atau 'complacent' dengan segala kejayaan yang telah dikecapi."

"Keutamaan dan fokus kita hendaklah tertumpu kepada usaha untuk memastikan setiap dasar, program dan perkhidmatan dilaksanakan dengan cepat, tepat dan berkualiti supaya dapat memenuhi keperluan dan kehendak warga bandar raya Johor Bahru," kata beliau.

Kata beliau lagi, "Setiap dasar, projek, program dan perkhidmatan MBBJ perlu mempunyai nilai tambah yang boleh membawa perubahan dalam kehidupan warga bandar raya kepada yang lebih baik dan berupaya mencetuskan 'feel good factor' terhadap kualiti perkhidmatan yang disampaikan."

Dalam menuju ke arah usia 30 tahun bandar raya pada tahun hadapan, MBBJ bersedia untuk melaksanakan lonjakan dan perubahan yang signifikan untuk maju lebih jauh ke hadapan dalam mencorakkan pembangunan Johor Bahru ke arah bandar raya yang bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari, selari dengan hasrat Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & SANJUNGAN BUDI



BICARA BUKU @ MBBJ

Perpustakaan Sultan Ismail, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menganjurkan beberapa siri program “Bicara Buku @ MBBJ” yang melibatkan beberapa orang pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional MBBJ.

Pada 19 Jun 2023, telah diadakan siri ketiga program ini dengan membincangkan ulasan buku berjudul “It’s Not How Good You Are, It’s How Good You Want To Be” yang dikongsikan oleh Puan LAr. Mustika Ally binti Zulkifli, Pengarah Landskap MBBJ dan “100 Tip Kuat” oleh Encik Mohd Farid bin Baharudin, Penolong Pengarah kejuruteraan (Mekanikal dan Elektrikal).

Siri bicara ini dikendalikan oleh Cik Radhiah binti Sutan Ibrahim, Penolong Pengarah Pembangunan Masyarakat (Agenda Tempatan).



Pada 20 Mei 2023, telah diadakan program “Komuniti JB Ceria Raya dan Perasmian Kios Bacaan Komuniti Pintar” di Perumahan Pangsapuri Zon 1 - 1, Permas Jaya, Johor Bahru.

Kios Bacaan Komuniti, perpustakaan terbuka atau ‘little free library’ merupakan satu konsep baharu dalam perpustakaan di mana satu sudut bacaan diwujudkan di kawasan-kawasan seperti taman, perhentian bas, ruang awam dan sekitar kawasan perumahan untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Program Komuniti JB Ceria Raya & Perasmian Kios Bacaan Komuniti Pintar



Konsep penggunaan Kios Bacaan Pintar Komuniti ini adalah sama ada untuk meminjam, menukar dengan bahan bacaan lain atau menyumbang yang baharu.

Kios ini merupakan kios bacaan pintar kedua yang dibangunkan di dalam kawasan MBBJ susulan pemeteraian ‘MOU’ bersama *Rotary Club of Johor Bahru Sentral* dan *Happy Riders Connect* untuk meningkatkan lagi aksesibiliti komuniti kepada buku, bahan ilmiah dan ilmu secara amnya.



LAWATAN DARI MINDEF

17 Mei 2023: Bahagian Teknologi Maklumat menerima lawatan daripada Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) sebagai memenuhi tujuan penandaarasan kepada pegawai-pegawai MINDEF.



LAWATAN KE DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

26 Mei 2023: Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran MBBJ melawat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bagi tujuan memperkukuhkan serta mengambil pendekatan yang bersesuaian untuk unit tersebut.



LAWATAN DARI PERBADANAN PUTRAJAYA

29 Mei 2023: Jabatan Penilaian MBBJ menerima lawatan daripada Perbadanan Putrajaya yang bertujuan hadir mempelajari kaedah nilai tambah sebagai asas kadaran dan perkara yang berkaitan dengannya.



LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

4 Jun 2023: Jabatan Kejuruteraan menerima lawatan daripada Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) yang bertujuan berkongsi pendedahan kepada delegasi berkenaan sistem saliran di Indah Water Konsortium dan tatacara kerja di MBBJ.

INFO LAWATAN



LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

7 Jun 2023: Jabatan Penguatkuasaan MBBJ menerima lawatan daripada Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) yang bertujuan mempelajari prosedur tindakan penguatkuasaan bagi menunda kenderaan yang menghalang laluan awam.

LAWATAN KE MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

7 Jun 2023: Lawatan Penandaarasan MBBJ ke Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT).



MBJB MENERIMA KUNJUNGAN DELEGASI DAEGU METROPOLITAN CITY & MENANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA DUA HALA

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima lawatan delegasi dari Daegu Metropolitan City, Republic of Korea, serta menandatangani perjanjian kerjasama dua hala di antara Johor Bahru dan Daegu pada 23 Mei 2023.

Delegasi Daegu Metropolitan City Government telah diketuai oleh Mr. Hong Joon Pyo, Mayor of Daegu, yang hadir bersama-sama Mr. Lee Man Kyu, Chairman of Daegu City Council, Mr. Lee Chong Hwa, Vice Mayor of Daegu serta barisan ketua jabatan dan pegawai dari Daegu Metropolitan City Government.

Hadir menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman ini ialah YB Dato' Haji Mohd. Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, bersama-sama YB Dato' Dr. Haji Badrul Hisham bin Kassim, Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), YB Dato' Haji Ramlee bin Haji A Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd, serta ketua-ketua jabatan MBBJ.



Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah dimeterai ini bertujuan membentuk kerjasama dalam bidang ekonomi, teknologi, pelancongan, pendidikan, seni dan budaya, selain meneroka peluang kolaborasi dalam agenda masyarakat rendah karbon, bandar pintar, teknologi hijau dan sebagainya.

MBJB TERIMA DUA ANUGERAH MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARDS



Pada 27 Mei 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diberi penghormatan dan penghargaan sebagai penerima dua (2) anugerah iaitu *MLAA Honorary Awards* bagi kategori *Government Category – Green Initiatives Award* bagi projek 'Coronation Avenue' dan 'Tunku Mahkota Ismail Youth Centre' (TMIYC) Johor Bahru bersempena *Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) Gala Night 2023* yang berlangsung di Westin Desaru.

Hadir menerima anugerah tersebut ialah Tuan Haji Miswan bin Yunus, Setiausaha MBBJ, dan Ir. Hajah Nazatul Shima Mohammad, Timbalan Setiausaha MBBJ, bersama-sama ketua jabatan dan pegawai MBBJ. Tahniah dan syabas diucapkan!



Mesyuarat Pegawai Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia 2023

Pada 29 Mei 2023, telah berlangsungnya Mesyuarat Pegawai Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia di Dewan Inai Merah, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru yang dihadiri oleh 70 pegawai undang-undang dari 70 PBT di seluruh Malaysia.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha Tuan Nasrul Zaki bin Mohd Yunus dan membincangkan isu semasa berkaitan perundangan PBT, menyelaraskan isu perundangan antara PBT dengan lebih berkesan di samping menjadi wadah menyemarakkan hubungan silaturahim antara PBT di Malaysia.

MBJB Anjur Program Kembiri Kucing



Pada 10 Jun 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan 'Program Kembiri Kucing Dalam Kawasan MBBJ' anjuran bersama Persatuan Pengkasihan Haiwan Terbiar JB (Wira Kasseh), *Cat Tiram Shelter* di Dewan Muafakat Johor, Taman Adda Johor Bahru.

Program ini dilaksanakan bagi menggalakkan orang awam melaksanakan kembiri kucing peliharaan dan liar di kawasan masing-masing. Sebanyak 160 ekor kucing telah dikembirikan dalam program ini.

Turut hadir menyempurnakan program ini ialah Tuan Haji Nor Azhar bin Abdul Hamid, Ahli Majlis MBBJ Zon Dato' Onn dan Kangkar Tebrau dan Dr. Muhamad Khairi bin Sulaiman, Ketua Penolong Pengarah Kesihatan (Promosi & Pendidikan Kesihatan) MBBJ.

MBJB TERIMA PENGIKTIRAFAN PERINGKAT KEBANGSAAN



Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima dua (2) anugerah di Majlis Penyampaian Anugerah Standard Pelancongan ASEAN Tahun 2023-2025 (Peringkat Kebangsaan) dalam kategori "ASEAN Public Toilet Standard" bagi Tandas Awam Menara MBBJ dan Tandas Awam Dataran Bandaraya Johor Bahru pada 12 Jun 2023.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya di Sama-Sama Hotel KLIA.

MBJB turut terpilih sebagai penerima anugerah dalam Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan anjuran Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pengiktirafan ini adalah bagi tandas awam Menara MBBJ (Tempat Ketiga Kategori Pejabat Kerajaan), Restoran 7 Spices (Tempat Pertama Kategori Restoran), dan Toppen Shopping Mall (Tempat Pertama Kategori Pusat Membeli-Belah).

Anugerah ini telah disampaikan oleh Encik Ooi Poh Keong (Pegawai Bahagian Kesihatan Persekitaran) di pejabat Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Putrajaya pada hari yang sama.

Operasi Pecah Tanjakan (Ramp) Tanpa Kebenaran

Pada 13 Jun 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menjalankan operasi pecah tanjakan (ramp) yang dibina tanpa kebenaran pihak MBBJ. Penggunaan mana-mana tempat atau petak parkir bagi sebarang aktiviti yang tidak mendapat kebenaran merupakan satu kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Pengangkutan Jalan 1987, Perintah Lalu Lintas Jalan serta lain-lain kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil MBBJ.

Tindakan penguatkuasaan seperti pengeluaran notis dan kompaun, sitaan barang-barang di dalam petak parkir dan pecah tanjakan (ramp) akan dilaksanakan secara berterusan dari semasa ke semasa kepada pemilik premis yang masih ingkar.

Premis perniagaan yang diwajibkan membuat sewaan petak bermusim ialah:

1. Perniagaan menjual/servis motosikal
2. Kedai tayar/aksesori kenderaan/servis
3. Perniagaan bengkel kenderaan
4. Kedai menjual kenderaan/pusat pameran kenderaan
5. Perniagaan mencuci dan mengilatkan kenderaan



Permohonan sewaan petak bermusim boleh dibuat secara atas talian menggunakan aplikasi 'MBJB Spot V2' di bahagian 'Lot Rental'. Untuk keterangan lanjut sila layari www.mbjbspot.com.

PLANMalaysia Johor telah menganjurkan program *Johor Smart City Forum (JSCF) 2023* pada 12-14 Jun 2023 bertempat di *Persada Johor International Convention Centre*, Johor Bahru. Majlis perasmian program JSCF 2023 ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah binti Sultan Ibrahim, di samping Pelancaran 'Blueprint' Bandar Pintar Negeri Johor 2030, Pelan Tindakan Bandar Pintar Pengerang serta Penyampaian Sijil Sistem e-PBT kepada semua PBT Negeri Johor.

Dalam sesi 'High Level Dialogue', YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru turut berkongsi perancangan, hala tuju, serta cabaran yang perlu diatasi dalam menjayakan agenda bandar pintar di Johor Bahru ini. JSCF 2023 disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang menjadi 'platform' untuk menggariskan rancangan Kerajaan Johor dalam melaksanakan transformasi digital melalui Pelan Tindakan Bandar Pintar Negeri Johor 2030.



Selain itu, penganjuran program seumpama ini secara tidak langsung membuka ruang dan peluang kepada jabatan atau agensi kerajaan dan swasta, pihak berkepentingan, pemain industri, institut pengajian tinggi dan penyedia penyelesaian teknologi (technology solution) untuk berkongsi kefahaman dan pengalaman dalam menangani isu dan cabaran perbandaran berteraskan elemen bandar pintar.

JOHOR SMART CITY FORUM 2023



MINGGU KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

Pada 20 Jun 2023, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru telah merasmikan penutupan 'Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MBBJ' yang telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 19 hingga 20 Jun 2023 di Dewan Kenanga, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MBBJ ini diadakan pada setiap tahun sebagai usaha menguar-uarkan dan menerangkan kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada warga kerja, majikan dan orang awam.

Peserta yang hadir dalam program ini telah diberikan penerangan berkaitan keselamatan dan risiko semasa dalam pekerjaan, kesihatan makanan, kesihatan mental, postur dan ergonomik, peranan majikan dan pekerja serta pelbagai perkongsian ilmu yang diberikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, serta pakar-pakar lain dalam bidang kesihatan dan keselamatan.

Dalam pada itu, YB Datuk Bandar juga turut berkesempatan menyampaikan watakah pelantikan kepada anggota 'Emergency Response Team' (ERT) dan 'First Aider MBBJ'.



MBJB MENANGI ANUGERAH PERSURATAN SELATAN DBP 2023

Pada 24 Jun 2023, telah diadakan Majlis Pengumuman Pemenang Pertandingan 'Bicara Nilai Murni 2023 : Jom Baca Buku' anjuran bersama pihak Perpustakaan Sultan Ismail, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor di Perpustakaan Sultan Ismail, Johor Bahru. Di samping itu, turut diadakan majlis penyampaian Anugerah Persuratan Selatan 2023 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan.

Pertandingan bicara ini menggunakan aplikasi 'TikTok' dalam durasi 1 minit oleh setiap peserta dalam kalangan pelajar sekolah dari peringkat menengah rendah dan menengah atas.

Dalam pada itu, MBBJ telah mendapat Anugerah Persuratan Selatan 2023 bagi kategori 'Laporan Tahunan Jabatan Terbaik' iaitu buku Laporan Tahunan MBBJ tahun 2021. MBBJ juga membawa pulang wang tunai berjumlah RM 2,000.00 dan sijil penghargaan seiring dengan penganugerahan tersebut.



Hadir menyempurnakan majlis ialah Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Kassim bin Thukiman, Ahli Penasihat Jumaah Majlis Diraja Johor. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat.

JB NEON RECREATIONAL NIGHT EDISI LESTARI FUN RUN & RIDE 2023

Pada 23 Jun 2023, penganjuran *JB Neon Recreational Night* edisi 'Lestari Fun Run & Ride' kali ini menjadi 'platform' bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) meraikan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia melalui jalinan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) di bawah Hab Komuniti Rendah Karbon Johor Bahru yang dikenali sebagai 'Lestari'.

Edisi 'Lestari Fun Run & Ride' kali ini berjaya menyelamatkan sekitar 10,000 botol plastik daripada pencemaran alam sekitar menerusi syarat penyertaan iaitu 20 botol plastik bagi setiap penyertaan kategori 'Lestari'. Setiap timbangan botol plastik diberikan mata ganjaran yang boleh ditebus kepada tunai di bawah 'KITARecycle'. Lebih menarik lagi, pingat (medal) para peserta diperbuat daripada penutup botol plastik terpakai yang telah dikumpulkan oleh para peserta sendiri.

Turut hadir memeriahkan program ini ialah YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), diiringi oleh Encik Mokhzani bin Mislan, Ketua Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan MBJB, selaku wakil rasmi Datuk Bandar Johor Bahru, YB Dato' Dr. Badrul Hisham bin Kassim, Ketua Pegawai Eksekutif IRDA dan Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment.

Antara rakan kerjasama yang turut menjayakan edisi 'Lestari Fun Run & Ride' ini termasuklah *IOI Properties Berhad Johor Bahru*, *Toppen Shopping Centre*, *Life Line Clothing Malaysia* dan *Petron Southern*. Selain aktiviti larian dan berbasikal, edisi pada kali ini juga menjadi 'platform' penganjuran siri pertama 'Kaunter Kitar Semula Lestari MBJB' yang telah berjaya mengumpulkan sekitar 800 kg barangan kitar semula daripada warga bandar raya.



Kunjung Hormat & Lawatan Penandaarasan Delegasi MBBJ Ke Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah

Pada 23 Jun 2023, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, bersama delegasi Ahli Majlis dan Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu serta lawatan penandaarasan.

Kehadiran delegasi MBBJ telah disambut oleh YBhg. Datuk Noorliza Awang Alip, Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), bersama-sama Ketua Pengarah, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah dan para pegawai DBKK.

Dalam sesi pertemuan ini, MBBJ telah diberikan penerangan menyeluruh berkaitan usaha pembangunan pelancongan di bandar raya Kota Kinabalu serta perkongsian amalan terbaik dan pengalaman di DBKK yang boleh diaplikasikan di Johor Bahru seperti aspek kebersihan, penghijauan, pengangkutan awam, penglibatan awam dan komuniti dalam program DBKK, penggunaan kawasan awam (public spaces), pembangunan imej bandar dan sebagainya.



Sesi Lelongan Barang Sitaan Penguatkuasa Bil. 2/2023

Pada 25 Jun 2023, sesi lelongan barang sitaan Penguatkuasa bil. 2/2023 bagi barang sitaan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (MBJB) 2010, Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBJB) 2016 telah dilaksanakan di Panggung Cempaka Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Sebanyak 365 lot yang merangkumi 189 jenis barang sitaan telah dilelongkan. Sesi lelongan hari ini telah dihadiri oleh seramai 64 orang pembida.

Terdahulu pada 16 April 2023, telah diadakan juga acara pelelongan kenderaan buruk sitaan kedua bagi tahun 2023. Kenderaan lelongan adalah rampasan / sitaan daripada kesalahan "Kenderaan yang ditunda dan dialihkan bagi kesalahan di bawah Seksyen 46 (1) (g) Akta 133". Sebanyak 351 kenderaan sitaan penguatkuasaan antaranya berjenama Honda, Proton dan lain-lain dapat dilelong pada kali ini dengan jumlah kutipan hasil lelongan sebanyak RM419,400.00.

PIALA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU 2nd WIN+ STREAK VOLLEYBALL INTERNATIONAL INVITATIONAL CHAMPIONSHIP JOHOR 2023



Pada 25 Jun 2023, telah diadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah (Kategori Lelaki) Kejohanan Piala Datuk Bandar Johor Bahru 2nd Win+ Streak Volleyball International Invitational Championship Johor 2023 yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru.

Penganjuran edisi kedua oleh Persatuan Bola Tampar Amatur Negeri Johor ini telah berlangsung bermula 22 hingga 25 Jun 2023 di Arena Larkin, Johor Bahru. Kejohanan ini melibatkan peserta dari enam (6) negara jempunan iaitu Taiwan, Kemboja, Thailand, Singapura, Indonesia dan Malaysia.

Tahniah diucapkan kepada para atlet dan delegasi serta *Johor Volleyball Association* atas penganjuran bersama kejohanan antarabangsa ini. Terima kasih kepada *Win+ Streak* sebagai penaja kejohanan.

Keputusan Kejohanan (Kategori Lelaki):

Tempat Pertama : Majlis Bandaraya Shah Alam (Malaysia)
Tempat Kedua : Wai Li (Taiwan)
Tempat Ketiga : Win Streak (Taiwan)



Isnin, 26 Jun 2023 - Rangkuman gambar sekitar Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) Bil. 1/2023 (Zon Selatan & Tengah) dan Majlis Perjumpaan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) Bersama Pegawai Unit Pusat Setempat (OSC) Negeri Johor yang telah diadakan di Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru. Program ini merupakan program anjuran bersama pihak Jabatan Kerajaan Tempatan dan pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru.



3 April 2023 - Majlis Tadarus Al-Quran Perdana Peringkat MBBJ



19 April 2023 - Program Qiamullail Ramadan Bersama Datuk Bandar Johor Bahru di Masjid Jamek Bandar Baru Uda, Johor Bahru.



4 April 2023 - Majlis Iftar Bersama Datuk Bandar Johor Bahru dan Penyampaian Sumbangan Kepada Asnaf Anjuran MBBJ serta Yayasan Bandaraya Johor Bahru; di Masjid Bandar Permas Jaya.



14 April 2023 - Program Qiamullail Ramadan Bersama Datuk Bandar Johor Bahru di Masjid Sultan Iskandar Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.

DARI KACA LENSAS

Bulan Ramadan tahun 2023 bersamaan 1444H ini menyaksikan MBBJ giat menyemarakkan program Ihya' Ramadan bersempena bulan tersebut. MBBJ turut berpeluang menganjurkan program dan merakam pelbagai peristiwa dan aktiviti yang telah diadakan bersempena bulan mulia itu.

10 April 2023 - Majlis Iftar Bersama Datuk Bandar Johor Bahru dan Penyampaian Sumbangan Kepada Asnaf Anjuran MBBJ serta Yayasan Bandaraya Johor Bahru; di Masjid Ar-Raudhah Taman Gaya.





8 April 2023: Majlis Iftar Zon Bandar Dato' Onn Bersama Anak Yatim & Tahfiz Quran di Butik Bulan Bintang, Tebing Dato' Onn

PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21



15 April 2023: Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Asnaf di Kampung Melayu Majidee & Taman Suria



19 Mei 2023: Sambutan Hari Raya Zon Bandar di Bazar JB



19 Mei 2023: Program Jiwa Murni & Gotong-Royong Membersih Kawasan Pusara di Taman Istimewa, Zon Kangkar Daya



20 Mei 2023: Pertandingan Catur Zon Taman Abad



13 April 2023: Majlis Khatam Al-Quran dan Ceramah Fathu Makkah Peringkat MBBJ



1 Jun 2023: Mesyuarat Dwi-tahunan Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru



17 April 2023: Agihan Ayam & Daging Segar Kepada Anggota MBBJ Oleh Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru



5 Jun 2023: Gambar Mural Menarik di Lorong Belakang Premis di Jalan Trus dan Jalan Maju, Pusat Bandar Johor Bahru



9 Mei 2023: Lawatan Panel 'The Edge Malaysia Managed & Sustainable Property Awards 2023'



26 April 2023: Kunjungan Hormat Dato' Haji Amran bin Ab. Rahman, Mantan Datuk Bandar MBBJ Ke-11 bersama Datuk Bandar Johor Bahru

MBJB SANA SINI



1 Jun 2023: Pelepasan Konvoi Motosikal 'MBJB Bikers' ke Langkawi, di Dataran Bandaraya Johor Bahru



MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan

> WAKTU URUSAN

KAUNTER SETEMPAT / KAUNTER BAYARAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Kaunter Setempat Pejabat MBBJ Jalan Dato' Onn

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 4.30 petang
Khamis : 8.00 pagi - 3.30 petang
07-219 8077

Kaunter Setempat Cawangan Johor Jaya

Ahad - Rabu : 9.00 pagi - 4.00 petang
Khamis : 9.00 pagi - 3.00 petang
07-357 3314

Kaunter Setempat Cawangan Permas Jaya

Ahad - Rabu : 9.00 pagi - 4.00 petang
Khamis : 9.00 pagi - 1.00 tengah hari
07-386 1535

**Kaunter Pusat Transformasi Bandar
(UTC) Galleria @ Kotaraya**

Setiap hari : 8.00 pagi - 5.00 petang
07-221 4261

Kaunter Setempat Menara MBBJ (Aras 3)

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 4.00 petang
Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang
Waktu rehat : 1.00 tengah hari - 2.00 petang

* Tertakluk kepada pindaan



DAH BAYAR CUKAI HARTA?

JOM BAYAR CUKAI HARTA
DEMI MENJANA KEMAKMURAN
& MEMBINA KESEJAHTERAAN
BANDAR RAYA KITA

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum,
80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim

Talian Am
Faksimili
Talian Bebas Tol
Whatsapp Aduan
Laman SISPA
E-Mel

07-219 8000
07-223 0619
1-300-88-0146
019-778 8212
mbjb.spab.gov.my
info@mbjb.gov.my

www.mbjb.gov.my